

Oleh Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bharian.com.my

# Penuntut KMPH dapat pendedahan di UMP

500 pelajar manfaatkan Program Perkongsian Pintar

**KUANTAN:** Seramai 500 penuntut tahun akhir Kolej Matrikulasi Pahang (KMPH) menyertai Program Perkongsian Pintar dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sekali gus dapat memberi penerangan mengenai pengkhususan kerjaya berdasarkan kecenderungan minat masing-masing.

Pelajar jurusan Sains Hayat, Aina Nabihah Mohamad, 19, berkata program itu banyak memberi maklumat serta pendedahan mengenai peluang melanjutkan pengajian di UMP yang menawarkan pelbagai jurusan.

Katanya, ia juga memberi ruang kepada pelajar menilai seterusnya mengintai ruang jurusan diminati terdapat di UMP terutama dalam bidang kejuruteraan yang sememangnya begitu sinonim dengan universiti berkemanaan.

"Selepas mendengar ceramah disampaikan, minat untuk menyambung pengajian peringkat ijazah dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) di UMP kini mula bercambah walaupun tersasar daripada jurusan sains hayat yang pelajar KMPH.

"Kepakaran pensyarah UMP selain peluang pekerjaan terbuka dalam bidang IT mendorong saya mencuba nasib dalam bidang berkenaan," katanya pada majlis perasmian dan taklimat program perkongsian pintar oleh Penolong Naib



PELAJAR Kolej Matrikulasi Pahang meninjau pameran Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam di Dewan Mat Kilau Kuantan.

Canselor UMP, Profesor Dr Yusarie Zainuddin di Dewan Mat Kilau KMPH, di sini.

Turut hadir Timbalan Pengarah KMPH, Zaiti Yazid.

Selain pameran, pada program berkenaan penuntut turut didekah dengan taklimat dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam termasuk Fakulti Sains Komputer dan Kejuruteraan Perisian.

Abdul Rahman Abdul Rashid, 18, yang mengambil jurusan Sains Fizik pula berkata, sebelum menyertai program perkongsian pintar ini dia kurang mengetahui mengenai UMP walaupun sering membaca berita kejayaan penyelidik universiti berkenaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Namun selepas mendengar taklimat pelbagai maklumat yang diperoleh terutama membabitkan peluang melanjutkan pengajian, kemudahan dan kejayaan membanggakan diperoleh penuntut UMP dalam kejuruteraan," katanya.

Bagi Ruki di Mohd Hadzair, 18, pelbagai input diperoleh mengenai UMP sepanjang program yang menjadi pendorong kepadanya untuk meneruskan impian menjelak kaki ke menara gading.

Sementara itu, Dr Yusarie berkata, program perkongsian pintar yang jultung kali diaankan ini diharap mampu menarik minat penuntut KMPH melanjutkan pengajian mereka di UMP dalam bidang yang diminati.

MOHD RAFI MAMAT | BERITA HARIAN